

04/08/1997

PM sampaikan syarahan perdana

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memeriahkan pertemuan Alumni Universiti Malaya (UM) apabila menyampaikan syarahan perdananya bertajuk 'Malaysia Dalam Milenium Akan Datang: Cabaran Generasi Baru'.

Pertemuan yang julung kali diadakan secara besar-besaran ini akan turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga bekas mahasiswa UM.

Perayaan selama tiga hari bermula 19 September depan adalah penting sebagai usaha mempertemu dan mempereratkan semula pelajar baru dan lama yang berselerak di negara ini dan luar negara.

Penasihat Alumni, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir, berkata syarahan perdana oleh Perdana Menteri selama kira-kira sejam di Dewan Tuanku Canselor itu menjadi acara kemuncak khususnya mengingatkan generasi baru untuk bersama-sama membangunkan negara dalam usaha menjadi bangsa yang dihormati.

Menurut beliau, perayaan bertemakan 'Selangkah Sederap, Merenung dan Mencapai Wawasan' juga adalah untuk mengimbau dan mengenang masa silam serta visi masa depan dengan penuh iltizam dan semangat yang berkobar-kobar.

"Pertemuan ini adalah peluang istimewa ahli alumni serta pasangan masing-masing untuk mengeratkan semula bekas siwazah UM di samping mengimbas kembali pengalaman yang lalu," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat khas alumni di Bangunan Canselari, UM, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik) UM, Prof Datuk Dr Osman Bakar, bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Asiah Abu Samah, bekas Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Zakiah Hanum, En Chong Min Kee dan Prof Madya Datin Dr Jamaliah Mohd Ali.

Dr Hamdan berkata, Alumni UM mempunyai sejumlah 68,000 ahli termasuk bekas graduan UM di Singapura dan matrikulasi Raffles College dan King Edward VII College of Medicine.

Katanya, selain syarahan perdana juga diadakan pameran buku hasil karya Alumni UM, lawatan ke loji Proton Shah Alam dan pertunjukan kebudayaan serta jamuan di Pusat Dagangan Dunia Putra.

(END)